

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

SOALAN

YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS) minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah projek penggantian paip lama dan usang di seluruh negeri Johor akan siap dilaksanakan supaya masalah isu gangguan bekalan air, kualiti air serta tekanan air rendah yang dihadapi rakyat Johor dapat diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Negeri Johor telah memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air pada 2009 dan mendapat pembiayaan PAAB bagi kerja-kerja perbelanjaan modal (*Capex Expenditure* - Capex) bekalan air termasuk penggantian paip-paip lama.

2. Sejak 2010 sehingga kini, 2,528 km paip lama terutama jenis AC telah diganti dengan anggaran kos sebanyak RM1.38 billion. Daripada jumlah tersebut, 1,700 km telah siap dan bakinya sedang dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka siap sepenuhnya pada 2023. Program penggantian paip ini akan dilaksanakan secara berterusan kerana Negeri Johor masih mempunyai paip-paip lama jenis AC sebanyak 6,588 km atau 28% berbanding jumlah keseluruhan panjang paip di negeri Johor iaitu 23,341 km.

Sekian, terima kasih.